

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

SBU 420 Seminar Pembangunan Wilayah dan Setempat

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) daripada TUJUH (7) soalan-soalan berikut. Tulisan anda mestilah jelas. Markah dipotong bagi tulisan kabur. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Timbul beberapa persoalan asas bagi menempatkan perancangan wilayah di dalam konteksnya. Mengapa sebenarnya perancangan itu diperlukan? Apakah 'perancangan' dan bagaimana perancangan wilayah boleh disesuaikan di dalam konteks perancangan? Mengapakah perancangan wilayah diperlukan dan apakah pula bentuknya?

Bincang persoalan-persoalan secara kritis dari perspektif pemikiran ekonomi neoklasik.

[100 markah]

2. Teori Lokasi Industri dianggap berfaedah bagi menjelaskan struktur dalaman wilayah. Teori ini berkisar di sekitar tiga pendekatan;
 - (a) Pendekatan Kos Terendah,
 - (b) Analisis Kawasan Pasaran,
 - (c) Pendekatan Memaksimumkan Keuntungan.

...2/-

Bincangkan dengan jelas (dengan menggunakan model atau contoh seperti model Weber dan lain-lain) tentang pendekatan-pendekatan tersebut.

[100 markah]

3. Definisikan konsep-konsep wilayah, pengwilayahan dan kewilayahan. Hujah dan bandingkan definisi-definisi (konsep) yang berbeza; subjektif, objektif, formal atau fungsian.

Bincangkan dengan jelas kepentingan kategori-kategori tersebut dalam perancangan wilayah dan setempat.

[100 markah]

4. Perubahan wilayah jangka pendek boleh dianalisis melalui teknik-teknik berikut; Teori Berasaskan Ekonomi, Pengganda Perdagangan Antara Wilayah dan Analisis Input - Output Wilayah.

Bincang secara bandingan dua daripada teknik-teknik di atas dengan menekankan aspek-aspek kegunaan dan batasannya.

[100 markah]

5. Bincang secara kritis Teori Kutub Pertumbuhan dengan tumpuan kepada perkara-perkara berikut;

- [a] konsep-konsep asas,
- [b] industri utama / firma pendorong,
- [c] kesan pengutuban dan penjimatan aglomerasi, dan
- [d] kesan-kesan penyebaran.

[100 markah]

...3/-

6. Tulis nota-nota ringkas tentang perkara-perkara berikut;

- [a] Pembangunan Pusat ke Bawah,
- [b] Pembangunan Agropolitan, dan
- [c] Strategi Disentralisasi.

[100 markah]

7. Bincang proses pembedaran di Dunia Ketiga dengan tumpuan kepada perkara-perkara berikut;

- [a] model-model teoritis neoklasik guna untuk menghuraikan proses pembedaran Dunia Ketiga,
- [b] model pembedaran alternatif Dunia Ketiga (seperti Mc Gee dan lain-lain),
- [c] perbandingan di antara model-model tersebut dari segi kelebihan dan kekurangannya menerangkan proses pembedaran di Dunia Ketiga.

[100 markah]